

20 MAC 2018

Usia 60 tahun hisap dadah heroin

KOSMO! SELASA 20 MAC 2018

NEGARA 19

Pengawal keselamatan ditahan polis dalam Op Samseng Jalan di ibu negara

Usia 60 tahun hisap dadah heroin

Oleh EDDY HAMIDI

KUALA LUMPUR - Seorang warga emas antara dua lelaki ditahan kerana didapati positif dadah jenis heroin dan morfin dalam satu sekatan jalan raya di Jalan Raja Laut di sini malam kelmarin.

Hasil pemeriksaan ke atas anggota badan warga emas yang berusia 60 tahun itu turut menemui sebungkus plastik berisi serbuk dipercayai heroin bernilai RM40.

Warga emas yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah rumah di Bukit Kiara di sini itu dipercayai menggunakan dadah tersebut untuk dirinya sendiri.

Kedua-dua suspek yang me-

nunggang motosikal masing-masing kemudiannya dibawa ke Ibu Pejabat Polis Dang Wangi untuk tindakan selanjutnya.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Zulkefly Yahya (gambar kecil) berkata, sekatan jalan raya itu dilakukan dalam operasi Op Samseng Jalan sejak Jumaat lalu hingga malam kelmarin di sekitar ibu

negara.

Menurutnya, sebanyak 843 saman atas pelbagai kesalahan telah dikeluarkan kepada pengguna jalan raya yang melanggar peraturan.

Antara kesalahan itu ialah memandu atau menunggang kenderaan dengan Lesen Ken-



ANGGOTA polis melakukan pemeriksaan terhadap penunggang motosikal dalam Op Samseng Jalan di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur malam kelmarin.

deraan Motor (LKM) dan lesen memandu telah tamat tempoh, kenderaan tidak mempunyai nombor pendaftaran, nombor

plat tidak mengikut spesifikasi dan memandu secara berbahaya serta melu.

"Operasi ini merupakan usaha

berterusan pihak polis bagi memastikan pengguna jalan raya mematuhi undang-undang lalu lintas," katanya pada sidang akhbar malam kelmarin.

Dalam operasi itu di Jalan Raja Laut di sini malam kelmarin, seorang penunggang motosikal sanggup melarikan diri dan meninggalkan motosikal miliknya di tepi jalan sebaik menyedari di hadapannya terdapat sekatan jalan raya.

Motosikal jenis Yamaha itu ditemui anggota polis selepas operasi tamat pukul 12 tengah malam.

Siasatan awal mendapati LKM motosikal tersebut telah tamat tempoh dan pihak polis percaya penunggang motosikal itu bimbang dikenakan saman dan bertindak meninggalkan kenderaannya di situ.